

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan Yang Dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Pelan POS Value Insurance (PVIP)?

Pelan Insurans POS Value memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM43.20 setahun** (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima **perlindungan Pelan Emas*** berikut:

Anggaran premium: Jumlah Diinsuranskan RM50,000, Pekerja pejabat, kelas 1 dan berumur 30 tahun

Polisi ini **melindungi**:

No.	Faedah-Faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	
1	Kematian atau Kecacatan Kekal	30,000	50,000	100,000	
2	Pendapatan Elaun Harian jika Dimasukkan ke Hospital (sehari, sehingga 100 hari)	30	50	100	
3	Perbelanjaan Pengebumian	1,000	2,000	3,000	
4	Pembedahan Pembedahan Pergigian atau Kosmetik	2,000	3,000	5,000	
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)		Pekerjaan Kelas 1 & 2	25	40	50
		Pekerjaan Kelas 3	30	Tidak Berkenaan	

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Risiko peperangan
- Bunuh diri dan hilang akal
- Kecederaan yang disengajakan
- AIDS atau sebarang penyakit yang berkaitan dengannya atau menjalankan ujian darah yang berkaitan dengan HIV / AIDS
- Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan
- Aktiviti sukan yang berbahaya

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

Liberty General Insurance Berhad ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had-had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas Kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans POS Value Pelan Emas ini, anda perlu membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM40.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM40.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM3.20
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Yang Perlu Dibayar	RM43.20
Dimana ia adalah termasuk:	
Komisen	25% Premium Kasar atau RM10.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar cukai perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none">• Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.• Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.• Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.• Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.• Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.• Kelayakan – Umur orang yang diinsuranskan mestilah 18 tahun sehingga 60 tahun, boleh diperbaharui sehingga 70 tahun.• Klasifikasi pekerjaan:<ul style="list-style-type: none">i) Kelas 1 – Profesion dan pekerjaan melibatkan pekerjaan bukan kasar, kerja tadbir atau perkeranian semata-mata dalam pejabat atau dip persekitaran bukan berbahaya dan sepeertinya.ii) Kelas 2 – Profesion dan pekerjaan melibatkan kerja kasar hanya sekali-sekala apabila menyelia pekerja.iii) Kelas 3 – Profesion atau pekerjaan melibatkan kerja kasar. <p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada Polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.